

INTEGRITI AKADEMIK: KESALAHAN PLAGIAT



Definisi

Memplagiat, mencedok kata-kata, idea dan sebagainya daripada orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri, menjiplak (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Larangan Plagiat di UPM:

1

Perkara 57,
Kaedah-Kaedah UPM
(Perkara Akademik
Prasiswazah) 2014



Pelajar dilarang daripada melakukan plagiat, pemalsuan atau penipuan data.

2

Perkara 59,
Kaedah-Kaedah UPM
(Pengajian Siswazah) 2003
(Semakan 2015-2016)



Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat dan hendaklah sentiasa mematuhi Perkara 6, Kaedah-Kaedah UPM (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005.

3

Perkara 4,
Kaedah-Kaedah UPM
(Perkara Penyelidikan)
2012



Fakulti, pelajar atau pekerja tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan atau data, kepunyaan orang lain dalam penulisannya.

Tindakan tatatertib atau penarikan semula pengurniaan ijazah boleh dikenakan ke atas individu yang terlibat jika didapati bersalah.